

## DS 1.5: Cadangan Lencongan (*Diversion*) Sungai Muar dan Sungai Kapeh

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Mengurangkan risiko banjir.
- Mengelakkan berlakunya limpahan sungai di samping membantu mempercepatkan aliran sungai.
- Mewujudkan saliran baru bagi mengimbangkan aliran sungai.
- Cadangan lencongan (*diversion*) Sungai Muar dan Sungai Kapeh melibatkan:
  - i. Lencongan Sungai Kapeh = 6.0 kilometer
  - ii. Lencongan Sungai Muar = 1.5 kilometer

#### Komponen Cadangan:

- Meningkatkan kualiti dan membaik pulih sistem perparitan dan saliran yang melibatkan sungai-sungai utama.
- Mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB).
- Tertakluk kepada kajian lanjutan dan perincian bagi kebolehlaksanaan projek.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan terus oleh pihak agensi teknikal.
- Peraksanaan secara usahasama bersama awam dan pihak swasta.
- **Sasaran Pembangunan:**
- Pengurangan kawasan berisiko banjir menjelang 2026 terutama di desa luar bandar.
- Selaras dengan PPMJ 2030 yang menasaskan pengurangan kawasan berisiko banjir menjelang 2030.
- Selaras dengan ciri prasarana DPLB 2030 dalam menyediakan sistem perparitan kampung yang lebih baik.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **14 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Muar	-	5
Segamat	-	9
Tangkak	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>14</b>


### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JPS</li> <li>• BPEN</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Perincian kos adalah tertakluk kepada kajian lanjutan.

### FASA PELAKSANAAN



Cadangan ini melibatkan projek rintis di dua (2) kawasan utama iaitu (i) lencongan Sungai Segamat ke anak sungai, Sungai Kapeh di Bandar Segamat dan (ii) lencongan ke likuan Sungai Muar bersebelahan Bukit Kepong.

Lencongan Sg. Kapeh, Segamat melibatkan aliran dari Sg. Kapeh ke Sg. Bongor dengan jarak 6.0 kilometer bertujuan mengurangkan isipadu air Sg. Segamat yang merentasi kawasan bandar Segamat terutamanya ketika berlaku banjir. Lokasi lencongan sungai adalah dengan halangan kawasan penempatan yang minima.

Lencongan Sg. Muar, Muar melibatkan anggaran jarak 1.5 km atau 3.0 km di kawasan Bukit Kepong. Lencongan ini melibatkan kawasan pertanian sahaja dan bertujuan untuk mengurangkan risiko berlaku banjir di kawasan Bukit Kepong.


Walaupun bagaimanapun kajian lanjutan adalah diperlukan bagi mengkaji kebolehlaksanaan projek ini dalam mengatasi masalah banjir yang saban tahun melanda melibatkan Sungai Muar dan Sungai Segamat. Perincian cadangan lencongan terlibat adalah seperti Rajah 5.12 dan Rajah 5.13 di bawah.

Rajah 5.12: Cadangan Lencongan (Diversion) Sungai Kapeh



Sumber: Olahan daripada Laporan Penemuan Kajian, 2021

Rajah 5.13: Cadangan Lencongan (Diversion) Sungai Muar



Sumber: Olahan daripada Laporan Penemuan Kajian, 2021